



02 JUL, 2024

Sembunyi dadah 15 kg dalam kotak mi segera

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Sembunyi dadah 15 kg dalam kotak mi segera

Sepang: Seorang lelaki yang mengambil penerbangan ke Miri, Sarawak cuba mengaburi pihak berkuasa dengan menyembunyikan dadah dalam bungkus teh serta kotak mi segera.

Bagaimanapun, taktik-nya itu gagal selepas pemeriksaan oleh Pegawai Cawangan Pemeriksaan Penumpang 2, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah dan anggota Aviation Security Malaysia Airport (Avsec).

Kejadian pada 16 Jun lalu di Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) itu menemukan lebih 15 kilogram (kg) dadah bernilai RM760,000.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, lelaki tempatan berusia 33 tahun itu kemudian ditahan untuk siasatan lanjut.

"Kotak makanan milik lelaki didaftar masuk secara sendiri di kaunter syarikat penerbangan untuk ke Miri, Sarawak pada 7 malam.

"Pemeriksaan rapi pasukan menjumpai sejumlah 15 mampatan kristal putih yang disyaki dadah jenis ketamin yang diisi dalam bungkus teh dan dimasukkan dalam kotak makanan berlabel mi segera, dengan anggaran berat kasar 15.181kg.

"Lelaki itu berjaya ditahan di pintu masuk sebe-

lum kapal terbang berlepas," katanya pada sidang media di Bahagian Perkas-taman Kargo, KLIA, semalam.

Beliau memaklumkan siasatan lanjut sedang di-jalankan bagi mengenal pasti peranan suspek sama ada keldai dadah atau sebaliknya.

"Kes disiasat mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234)," katanya.

Sementara itu, dalam kes berasingan, JKDM Zon Tengah berjaya meram-

pas dadah jenis

Methylene-dioxy-methamphetamine (MDMA) di dalam kotak bungkus kurier bernilai RM2.5 juta di Zon Bebas Kargo, KLIA.

Norlela berkata, bungkus dari negara Eropah itu tidak dituntut pada 19 Jun lalu dialamatkan kepada satu syarikat tempatan.

"Hasil pemeriksaan rapi yang dijalankan ke atas kotak menemui 15 termos yang mengandungi pil disyaki dadah jenis (MDMA), anggaran kasar seberat 14.663kg.

"Pihak kastam kini sedang mengesan syarikat berkenaan sama ada syarikat itu wujud atau sebaliknya, semak silang akan dilakukan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tindakan lanjut," katanya.

"Kotak makanan milik lelaki itu didaftar masuk secara sendiri"
Norlela



DADAH yang dirampas disimpan di dalam kotak mi segera.



02 JUL, 2024

Sembunyi dadah 15 kg dalam kotak mi segera

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Sepang: Seorang lelaki yang mengambil penerbangan ke Miri, Sarawak cuba mengaburi pihak berkuasa dengan menyembunyikan dadah dalam bungkusan teh serta kotak mi segera. Bagaimanapun, taktiknya itu gagal selepas pemeriksaan oleh Pegawai Cawangan Pemeriksaan Penumpang 2, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah dan anggota Aviation Security Malaysia Airport (Avsec).